

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 29/4/2016

Muka surat: 7

Tajuk : UNIMAS anjur Program Cinta Ilmu



CINTA ILMU... Majlis Perasmian Program Cinta Ilmu sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia Peringkat UNIMAS 2016.

## UNIMAS anjur Program Cinta Ilmu

**KOTA SAMARAHAN:** Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) dengan kerjasama Penerbit UNIMAS akan mengadakan Program Cinta Ilmu sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia Peringkat UNIMAS 2016.

Pengerusi program, Macfarlaine ak Gilbert Jim Dibuat berkata, sejak 1996 lagi Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) menetapkan tarikh 23 hingga 30 April setiap tahun sebagai Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia.

Menurutnya, saban tahun lebih 100 negara meraikan Hari Buku

dan Hak Cipta Sedunia dengan pelbagai aktiviti melibatkan promosi galakan membaca, kegiatan penerbitan dan perbukuan serta program/kempen perlindungan harta intelek melalui hak cipta.

"UNIMAS tidak ketinggalan meraikan pelbagai aktiviti menarik yang telah dirangka sepanjang tahun untuk menyemarakkan amalan membaca dalam kalangan warga.

"Selain itu UNIMAS juga menyahut Kempen Jom Baca Bersama 10 minit yang dijalankan di seluruh negara," jelasnya kenyataan itu.

Jelasnya, program tersebut diadakan untuk menyemarak dan membudayakan amalan membaca dalam kalangan warga UNIMAS khasnya dan masyarakat amnya.

Seterusnya, mewujudkan kesedaran dan keperihatinan masyarakat akan adanya Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, katanya.

"Pada masa sama menekankan kepentingan perlindungan harta intelek dan menyemai minat untuk menghasilkan karya yang berkualiti dalam kalangan masyarakat," katanya.

Untuk maklumat lanjut, hubungi beliau di talian 082- 583836.

Disediakan oleh: Olivia Ajan  
Bahagian Canselori